

## **POLA KAJIAN *TAZKIYAH AN-NAFS***

**Muhammad Tahir**

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan,  
Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang;

**E-mel:** [muhatir@yahoo.com](mailto:muhatir@yahoo.com); **Tel:** 016-4561073;

**Tahap Pengajian:** Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.

Sejak kebelakangan ini minat untuk mengkaji *tazkiyah an-Nafs* mula menarik perhatian para pengkaji Islam. *Tazkiyah an-Nafs* di sini merujuk kepada penyucian diri daripada sifat-sifat terkeji (*mazmumah*) dan menggantikannya dengan sifat-sifat terpuji (*mahmudah*). Secara mudahnya, *tazkiyah an-Nafs* ini adalah konsep pembangunan yang bersifat ghaib dan sukar dihurai secara saintifik. Walau bagaimanapun apabila diamalkan, *tazkiyah an-Nafs* berpotensi menjayakan pembangunan fizikal dan material. Malahan *tazkiyah an-Nafs* merupakan titik tolak dan cerminan awal daripada bentuk pembangunan fizikal dan material yang akan dan telah diwujudkan dalam pembangunan berteraskan Islam.

Kertas kerja ini berhasrat meneliti kajian-kajian yang telah dilakukan tentang *tazkiyah an-Nafs* ini dan mengenalpasti polanya. Ia akan menghujahkan bahawa kajian tentang *tazkiyah an-Nafs* terdiri daripada dua bentuk. Bentuk pertama, *tazkiyah an-Nafs* yang berhubungan dengan tasawuf. Bentuk kedua, *tazkiyah an-Nafs* yang berhubungan dengan pembangunan. Daripada kedua-dua bentuk ini, bentuk pertama adalah lebih banyak mendapat tumpuan kajian berbanding bentuk kedua. Ringkasnya, bentuk kedua yang bersentuhan langsung dengan realiti kehidupan manusia masih kurang memperoleh perhatian oleh para pengkaji Islam. Walau bagaimanapun, fenomena ini amat menarik untuk dikaji kerana *tazkiyah an-Nafs* telah cuba dihubungkan dengan dunia fizikal dan material yang sebelumnya hanya dihubungkan dengan kepuasan spiritual atau batin semata.